

# Pembangkang ketandusan idea

**K**OTA KINABALU 21 Mac — Perdana Menteri berkata, pembangkang membangkitkan isu sentimen dan perkauman untuk melagakan pelbagai kaum yang hidup dalam suasana aman dan harmoni kerana ia sudah ketandusan idea dan isu untuk menghadapi pilihanraya umum.

“Saya melihat pengaruh pembangkang telah kurang dan pemimpinnya sudah tidak tahu untuk mempermainkan isu,” katanya pada sidang akhbar, di sini hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, hak setiap rakyat baik dari aspek ekonomi mahupun pendidikan sentiasa ter-

pelihara di bawah pemerintahan kerajaan BN.

Malah katanya, kerajaan BN yang mentadbir negara ini mampu menjalinkan hubungan ekonomi dan diplomatik yang lebih baik dengan China berbanding dengan apa yang dilakukan oleh DAP.

Menyentuh mengenai kenyataan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang yang meminta tempoh berkempen minimum selama 28 hari bagi pilihanraya umum, Perdana Menteri berkata, itu merupakan hanya helah dan taktik jahat DAP.

“DAP minta 28 hari kempen sebab dia nak bakar hati orang dan inilah yang DAP buat pada tahun 1969 dulu semasa ia membakar hati orang

Cina, menimbulkan perkauman sehingga berlaku rusuhan.

“Dia (DAP) parti kecil, orang tak banyak sebab itulah dia nak masa yang lebih untuk bakar hati...bukan dia peduli tentang keamanan...kita tahu cara DAP,” katanya.

Baru-baru ini, Kit Siang berkata, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hendaklah menetapkan tempoh berkempen minimum yang tetap iaitu untuk selama 28 hari bagi pilihanraya umum.

Kit Siang berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Dr. Mahathir, bahawa tempoh berkempen bagi pilihanraya akan datang ialah kira-kira 16 hari kerana suatu tempoh yang melebihi tempoh itu

mungkin mencetuskan ketegangan.

Sementara itu, Dr. Mahathir melahirkan rasa gembiranya terhadap kenyataan Presiden Parti Barisan Kemajuan India Se-Malaysia (IPF), M. G. Pandithan yang berjanji memberikan sokongan dan bekerja keras untuk kemenangan calon BN pada pilihanraya umum akan datang. Katanya, BN akan mengambil kira permohonan Pandithan untuk membawa IPF menyertai BN selepas pilihanraya umum akan datang.

“Tetapi apa yang penting ialah semasa pilihanraya... ketika itu kita akan tengoklah jika mereka (IPF) memberi sokongan yang jelas kita mesti ambil kira kedudukan mereka,” katanya.